

25/01/2000

Perubahan jamin mutu pendidikan negara

PENDIDIKAN adalah harta paling bernilai dapat ditinggalkan kepada anak-anak. Ungkapan ini sering diluahkan bagi menegaskan betapa berharganya pelajaran untuk menjamin kita menjadi manusia berjaya serta berguna.

Masa berlalu dan pendekatan terhadap pentingnya pendidikan juga berubah. Zaman yang mana ibu-bapa sekadar memberi pendidikan asas kepada anak mereka sudah ketinggalan. Hari ini tidak kira di bandar atau kampung, kesedaran terhadap pendidikan sehingga tahap tertinggi semakin meningkat. Tidak dapat dinafikan ini timbul berikutan perhatian serius yang diberikan oleh kerajaan menerusi pelbagai usaha mencapai kegemilangan pendidikan. Hari ini rakyat dari seluruh lapisan masyarakat berlumba-lumba memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan secukupnya dan mencapai kejayaan cemerlang.

Pendidikan semakin menjadi agenda penting dalam aspek menguruskan pembangunan negara. Lantas, perubahan demi perubahan dibuat terhadap dasar pendidikan dan pendekatannya bagi memastikan ia dikemas kini sesuai dengan keperluan semasa. Langkah baru diperkenalkan manakala dasar usang diubah supaya kesempurnaan itu setanding dengan negara maju dan membangun lain. Kementerian Pendidikan terus memikul tanggungjawab itu untuk menguruskannya sebaik mungkin demi mencakupi semua aspek.

Atas kepentingan pendidikan itu sendiri, kepemimpinan baru di Kementerian Pendidikan mengusulkan pelbagai cadangan membabitkan beberapa perubahan drastik. Mereka melihat kelewatan bertindak pantas meningkatkan mutu pendidikan amat merugikan apatah lagi selepas Malaysia melangkah ke alaf baru. Sebagai seorang ahli akademik yang berpengalaman luas, Tan Sri Musa Mohamed berani mencadangkan dasar lama dihapuskan. Baginya, setiap perubahan itu tidak bertujuan mengutungkan beliau dari segi politik tetapi untuk generasi Malaysia secara keseluruhan. Lantaran itu, ramai berpendapat adalah satu tindakan tepat bagi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lagi meneruskan tradisi melantik mereka yang berkepentingan politik menguruskan hal-ehwal pendidikan.

Kita akui Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak malah beberapa Menteri Pendidikan sebelum ini juga menyuntik beberapa idea bernas dalam sistem pendidikan sedia ada, malah mesti dikekalkan oleh Musa atau sesiapa selepas ini. Cuma pendekatannya saja kini diperhalusi sesuai dengan persekitaran semasa. Apapun secara realitinya kita perlu mengakui sesuatu tindakan yang ada ciri-ciri kepentingan politik sukar dapat menjamin kecemerlangan pendidikan dicapai. Berbanding ahli politik, Musa tidak terikat dengan kesan terhadap kerjaya politik beliau membolehkan menteri itu bebas melakukan sebarang tuntutan pendidikan yang benar-benar tulen.

Dalam tempoh tidak sampai dua bulan selepas menerajui kementerian, Musa melihat banyak yang perlu dibuat segera. Antara cadangan bernasnya ialah mewajibkan pendidikan prasekolah pada umur lima tahun dan pendidikan kemahiran vokasional bermula selepas murid tamat darjah enam. Bagaimanapun dalam hal ini, beberapa perkara perlu diberikan penekanan. Satu garis panduan dan kurikulum standard perlu diwujudkan untuk prasekolah. Cara pengajaran mesti diseragamkan tanpa mengira sama ada prasekolah itu berteraskan pendidikan Islam atau sekular. Kita dukacita ada sesetengah kelas prasekolah yang mendakwa berteraskan Islam pernah mengajar anak-anak membenci pemimpin tertentu. Malah mereka disuruh memijak-mijak gambar pemimpin itu. Islam mengingatkan kita bahawa anak-anak adalah ibarat kain putih. Kita sendiri mesti mencorakkannya dengan mengajar mereka berbuat

kebaikan.

Kita yakin perubahan fasa pertama Musa ini akan memasuki fasa seterusnya iaitu peringkat menengah dan juga institusi pengajian tinggi. Ia juga meliputi kebajikan dan tugas guru serta tanggungjawab pegawai pendidikan di seluruh negara. Selain meminta guru mengatasi masalah bebanan buku yang dibawa ke sekolah, bebanan tugas secara keseluruhan yang ditanggung oleh pendidik juga harus dikaji. Tidak ketinggalan kemudahan asas di sekolah yang masih banyak belum disempurnakan juga perlu dilihat secara mendalam oleh Musa.

Masih banyak lagi sekolah yang tidak mempunyai kemudahan teknologi maklumat (IT). Apa pula yang sudah dibuat di sekolah di luar bandar yang muridnya langsung tidak pernah didedahkan dengan IT? Demikian juga dengan masalah penguasaan bahasa Inggeris mereka yang amat lemah kerana kekurangan guru mahir yang boleh mengajar bahasa itu dengan baik ditambah pula dengan persekitaran yang tidak mengizinkan mereka mahir dalam bahasa itu. Walhal Inggeris telah pun menjadi bahasa IT. Begitu juga dengan banyak masalah yang dihadapi oleh pelajar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) akibat sistem francais diperkenalkan kerana pengusaha mementingkan aspek komersil. Barangkali ini juga menuntut Musa melakukan banyak lagi perubahan lebih drastik.

(END)